



MERCY Malaysia lancar semula Tabung Bantuan Kemanusiaan Afghanistan

Afghanistan telah digegar gempa bumi berskala 6.1 yang melanda daerah Paktika dan Khost pada 22 Jun 2022. Bencana ini telah menambahkan lagi bebanan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Afghanistan yang sedang berhadapan dengan krisis kemanusiaan akibat daripada kemarau, kebuluran dan peperangan. Kerajaan telah turut memohon bantuan dunia bagi menangani bencana gempa yang paling dahsyat pernah dihadapi negara tersebut dalam tempoh dua dekad.

Gempa bumi tersebut telah setakat ini menyebabkan lebih 1,000 nyawa terkorban serta mencederakan lebih 1,500 orang, kebanyakannya kanak-kanak. Daerah Paktika dan Khost merupakan daerah paling terkesan. Dianggarkan lebih ramai lagi mangsa terperangkap di bawah runtuh rumah dan bangunan terutamanya di kawasan yang sukar dicapai, menyulitkan lagi operasi mencari serta menyelamatkan. Di samping itu ribuan mangsa terpaksa dibiarkan tanpa tempat tinggal.

Presiden MERCY Malaysia, YBhg. Dato' Dr. Ahmad Faizal Mohd Perdaus berkata, "MERCY Malaysia telah melancarkan semula Tabung Bantuan Afghanistan untuk menghulurkan sokongan kemanusiaan kepada masyarakat yang terkesan. Selain daripada itu, MERCY Malaysia turut akan menghantar Pasukan *Rapid Assessment and Emergency Medical Response* pada 28 Jun untuk menjalankan intervensi impak dan penilaian kesiapsiagaan bagi pasukan yang akan datang. Pasukan pertama ini ditugaskan untuk menggerakkan perkhidmatan penjagaan trauma serta kesihatan asas dan psikososial di kawasan yang terkesan teruk, selain menyediakan ubat-ubatan untuk perkhidmatan kesihatan primer."

Pelan Tindak Balas Kemanusiaan MERCY Malaysia untuk Afghanistan juga akan memobilasi beberapa pasukan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan termasuk kesihatan awam dalam menangani jangkitan penyakit. Antara bantuan yang akan disampaikan oleh misi kemanusiaan seterusnya merangkumi:

- Perkhidmatan Perubatan Kecemasan, Perkhidmatan Kesihatan Awam, Ubatan dan Bekalan Perubatan
- Pemulihan Infrastruktur Kesihatan
- Perkhidmatan Sokongan Kesihatan Mental dan Psikososial (MHPSS)
- Air, Sanitasi dan Kebersihan (WASH)

Operasi bantuan yang dihulurkan MERCY Malaysia kepada Afghanistan bermula pada tahun 2001 semasa tercetusnya peperangan di negara tersebut yang menyebabkan ribuan rakyatnya terpaksa lari ke kem pelarian. Satu dari tiga rakyat Afghanistan berhadapan dengan krisis kekurangan makanan sementara separuh dari kanak-kanak di bawah umur lima tahun mengalami malnutrisi. Bermula dengan penyediaan perkhidmatan kesihatan awam di Afghanistan, MERCY Malaysia telah memperluaskan projek pemulihan, rehabilitasi serta pembangunan kapasiti melalui program berlandaskan kesihatan, pendidikan kanak-kanak dan dewasa serta latihan vokesyenal.

Krisis yang dihadapi Afghanistan memerlukan tindakan kemanusiaan segera. Sumbangan kepada Tabung Bantuan Afghanistan (MERCY Malaysia Afghanistan Relief Fund) boleh disalurkan melalui:

MERCY Humanitarian Fund
MBB 5621 7950 4126
Swift Code: MBBEMYKL

MERCY Malaysia
CIMB 8000-7929-08
Swift Code: CIBBMYKL

Untuk pilihan Kewangan Sosial Islam (ISF), sumbangan boleh disalurkan melalui:

MERCY Malaysia
Maybank Islamic 5642 5858 7606
Swift Code: MBBEMYKL
Reference Code: ISF – Afghan

Sumbangan wang tunai diberi pengecualian cukai.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi dan Libat Urus Strategik
MERCY Malaysia
Kuala Lumpur**

– Tamat –